



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**TUNTUTLAH ILMU, SYURGA MENUNGGU**

**Tarikh Dibaca:**

**27 JAMADILAWAL 1446H /  
29 NOVEMBER 2024**

**Disediakan oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



إدارة كمالو اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## TUNTUTLAH ILMU, SYURGA MENUNGGU

29 NOVEMBER 2024 / 27 JAMADILAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ

بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ (سورة العلق)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini, saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: **“Tuntutlah Ilmu, Syurga Menunggu”**.

Sebelum itu juga, saya ingin menyeru kepada semua untuk terus mendoakan keselamatan dan perlindungan kepada penduduk Palestin yang masih lagi ditindas oleh

rejim zionis Israel *laknatullahi 'alaih*. Sesungguhnya hanya Allah SWT jua yang Maha Berkuasa memberi pertolongan kepada mereka.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ketahuiilah! Menuntut ilmu merupakan satu usaha yang sangat mulia. Seseorang yang berusaha dan bersungguh-sungguh menuntut ilmu akan mendapat kedudukan yang istimewa di sisi Allah Azza wa Jalla. Dalam Islam, menuntut ilmu bukanlah sekadar untuk meraih kejayaan di dunia, tetapi ia juga usaha untuk menggapai kejayaan di akhirat dan kebahagiaan di syurga. Seorang tabi' tabi'in yang bernama Sufiyan al-Thauri pernah berkata:

*“Barangsiapa yang ingin berjaya di dunia, maka hendaklah dia memiliki ilmu, barangsiapa yang ingin berjaya di akhirat, maka hendaklah dia memiliki ilmu, dan barangsiapa yang ingin berjaya di dunia dan akhirat, maka hendaklah dia memiliki ilmu”.*

Sesungguhnya, ilmu yang dimiliki mampu mendorong kita untuk melakukan ketaatan kepada Allah, serta mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan. Dengan ilmu, peribadi dan akhlak kita akan terpancar dengan kemuliaan, membentuk kita menjadi seorang yang sabar, jujur, bersifat terpuji dan penuh amanah. Ilmu mampu menjauhkan diri kita daripada segala bentuk maksiat dan dosa, serta membezakan antara yang hak dan yang batil, yang halal dan yang haram.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Sesungguhnya kita akan mendapat banyak kebaikan dengan menuntut ilmu. Ada beberapa kelebihan menuntut ilmu dari ayat al-Quran, hadis Rasulullah SAW, dan kalam sahabat Rasulullah yang boleh direnungi bersama:

**Pertama:** Tuntutlah ilmu, kerana sesungguhnya Allah akan meninggikan darjat seseorang di dunia dan akhirat kerananya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

**Maksudnya:** “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat”.

**Kedua:** Tuntutlah ilmu, kerana sesungguhnya Allah akan memudahkan jalan kita ke syurga kerananya. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga”. (Hadis Riwayat Imam Muslim)

**Ketiga:** Tuntutlah ilmu, kerana sesungguhnya Allah memuliakan penuntut ilmu dengan memerintahkan para malaikat-Nya untuk membentangkan sayap sebagai tanda redha kepada penuntut ilmu. Rasulullah SAW bersabda:

وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ أجنحتها رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya malaikat meletakkan sayapnya sebagai tanda redha kepada penuntut ilmu”. (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

**Keempat:** Tuntutlah ilmu, kerana sesungguhnya Allah akan menambahkan kebaikan kepada orang yang menuntut ilmu. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

**Maksudnya:** “Barangsiapa yang Allah kehendaki kebaikan padanya, maka Allah akan memberinya kefahaman dalam agama”. (Hadis Riwayat Imam Muslim)

**Kelima:** Tuntutlah ilmu, kerana sesungguhnya ilmu lebih baik dari harta. Saidina Ali radhiyallahu anhu pernah berkata: “Ilmu lebih baik daripada harta, kerana ilmu mampu menjaga dirimu, sedangkan kamu yang menjaga harta, dan ilmu akan bertambah apabila disebarkan, sedangkan harta akan berkurang apabila dibelanjakan”.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Perkembangan dunia yang pesat hari ini menuntut kita untuk menceburkan diri dalam ilmu-ilmu baharu. Ia tidak hanya memperkaya pengetahuan tetapi juga meningkatkan daya saing, mempersiapkan kita untuk menghadapi cabaran masa depan juga sebagai pemeliharaan keselamatan diri. Pentingnya kita untuk mempelajari ilmu baharu seperti

kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran awan dan sebagainya kerana ia dapat membuka peluang pekerjaan dan inovasi bagi memudahkan urusan kehidupan kita.

Selain itu juga, dengan menguasai ilmu-ilmu baharu, ia akan meningkatkan daya saing individu di peringkat global dan seterusnya membolehkan kita bersaing di pasaran kerja yang semakin kompetitif dan dinamik.

Ilmu-ilmu baharu turut membantu kita untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling. Adaptasi yang baik ialah kunci kejayaan dalam menghadapi perubahan dan perkembangan.

Maka, perlunya untuk kita terus mencari peluang-peluang latihan dengan mengambil kursus, menghadiri bengkel, dan melibatkan diri dalam program latihan yang tersedia. Banyakkan membaca buku, jurnal, dan artikel terkini dalam bidang yang diminati. Penyelidikan juga penting untuk memahami perkembangan dan inovasi terkini. Selain itu, kita juga boleh menyertai komuniti atau forum dalam talian yang berkaitan dengan bidang yang diminati. Ambil peluang berinteraksi dengan individu yang berpengalaman dan berkongsi pengetahuan bagi mempercepatkan proses pembelajaran.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Ketahuilah, pintu-pintu untuk menuntut ilmu sentiasa terbuka luas di hadapan kita! Masjid dan surau sekeliling kita tidak pernah jemu menganjurkan majlis ilmu setiap hari. Sekolah, universiti, politeknik dan kolej komuniti iaitu Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) awam dan swasta juga menawarkan pelbagai program pengajian sepanjang hayat, dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tertinggi, termasuklah dalam bidang pengajian agama. Malah, majlis-majlis ilmu kini boleh didapati dengan mudah melalui media cetak, media elektronik, media sosial dan pelbagai kemudahan lain. Maka manfaatkanlah segala peluang yang ada! Rebutlah ilmu yang tersedia di mana-mana. Usahlah biarkan diri kita tenggelam dalam kejahilan, kerana ilmu adalah cahaya yang membimbing kita ke jalan yang diredhai Allah. Pastikan juga anak-anak generasi hari ini tidak tercicir dalam pelajaran terutamanya di peringkat awal persekolahan.

Ingatlah, tiada istilah terlewat untuk kita menimba ilmu. Tidak kiralah berapa usia kita, berapa banyak uban yang sudah tumbuh di kepala, berapa banyak garisan halus dan

kedutan pada wajah kita, sekalipun mata dan telinga tidak lagi jelas sewaktu usia muda, tidak ada alasan untuk kita berhenti mencari ilmu. Tiada tarikh luput dalam menuntut ilmu.

Justeru, dalam usaha melahirkan rakyat yang menghargai ilmu dan berkongsi idea, Kementerian Pendidikan Tinggi sedang menganjurkan Festival Idea Putrajaya pada 1 November sehingga 1 Disember 2024. Festival ini akan memperkenalkan kearifan dan kepakaran tempatan termasuk melalui program perkongsian keilmuan, persidangan dan pameran inovasi terkini bagi mengatasi cabaran dan isu semasa ke arah kemampanan Malaysia MADANI.

Oleh itu, marilah bersama-sama kita merebut peluang yang ada untuk menyertai program-program pendidikan yang dianjurkan kerana ini merupakan peluang yang sangat berharga untuk kita memperkayakan diri dengan ilmu dalam pelbagai bidang, berinteraksi dengan para cendekiawan, pakar-pakar dalam pelbagai bidang, melihat hasil produk kajian-kajian terkini, serta berkongsi idea dalam bersama-sama membangunkan negara. Semoga ia menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk terus giat berusaha mencari ilmu dan menambahkan pengetahuan.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan beberapa kesimpulan:

**Pertama:** Menuntut ilmu merupakan satu kewajipan ke atas kita semua tanpa mengira usia. Tuntutlah ilmu yang bermanfaat di mana-mana sahaja kita berada, khususnya di masjid, surau dan institusi pendidikan yang berhampiran dengan kita.

**Kedua:** Didiklah diri kita dengan budaya ilmu supaya dapat dijadikan sebagai contoh teladan yang baik kepada anak-anak kita.

**Ketiga:** Allah SWT meninggikan darjat kedudukan orang-orang yang berilmu dan Allah SWT mempermudah jalan para penuntut ilmu menuju ke syurga.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Mujadalah ayat 11:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُرُوا فَانشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

**Maksudnya:** “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa supaya kita mendapat keredhaan-Nya. Saya ingin mengajak saudara-saudara sekalian untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara khususnya kepada mangsa-mangsa banjir di seluruh negara ketika ini. Bantulah dari apa-apa jua kemampuan sama ada dari sudut kewangan, keperluan harian, makanan, mahupun sokongan moral kepada mereka semua. Semoga Allah SWT memberi kesabaran dan ketabahan buat mereka dan menggantikannya dengan yang lebih baik.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagaimana perintah Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِّي قُدُوكْ بِكَيْنِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اِكْوُوعْ، رَاجِ  
زَارِيثُ صُوفِيَاةً.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،  
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ.  
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا

وَمَا بَطَّنَ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.